

Penubuhan Puteri Umno akan dikaji semula

BH 20 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Sefasa - Pergerakan Wanita Umno akan mengkaji semula cadangan awal berhubung penubuhan Puteri Umno dalam bentuk kelab, berikutan kritikan profesional muda yang berminat menyertainya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sebarang cadangan pergerakan itu akan dibentang kepada Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan, sebelum diputuskan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) akan datang.

Abdullah memberi jaminan sebarang keputusan akan memuas hati semua pihak, serta bertepatan hasrat awal parti untuk menjadikan Puteri Umno sebahagian entiti parti.

"Kita akan masukkan dalam pindaan Perlemba-

gan akan datang kerana kewujudannya mestidicatat dalam perlembagaan.

"Kita beri perhatian syor peringkat awal kerana memang ada fahaman iaitu untuk menjadikannya seperti Pergerakan Pemuda Umno, seperti cadangan Datuk Seri Dr Mahathir," katanya.

"Kita juga akan mendaatkan pandangan daripada puteri-puteri Melayu yang melahirkan keinginan menyertai Puteri Umno ini," katanya pada sidang akhbar selepas majlis taklimat pindaan Perfembagaan Umno kepada ketua-ketua bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Beliau mengulas bantahan terhadap cadangan Wanita yang tidak akan menubuhkan Puteri Umno

secara rasmi dengan hirarki dan komponen tersendiri, sebaliknya menjadikannya seperti kefab Umno.

Puteri Umno bertujuan menarik penyertaan lebih ramai wanita muda terutama profesional, awalnya dicadangkan untuk wanita berusia bawah 40 tahun, kemudian diturunkan kepada 30 tahun sebelum diputuskan MT bahawa usia paling sesuai ialah 35 tahun ke bawah.

Cadangan sebagai kelab itu disuarakan Ketuaanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang berkata semua Ketua Wanita negeri tidak bersetuju Puteri Umno ditubuhkan secara rasmi kerana ia boleh menjejaskan perpaduan ahli pergerakan itu.

Bagaimanapun, keputusan itu mendapat bantahan

ramai pihak termasuk wanita muda yang menyambut baik cadangan penubuhan Puteri Umno, tetapi tidak setuju struktur organisasinya yang sekadar di peringkat kelab.

Beberapa tokoh muda seperti ahli Majlis Tertinggi, Azafina Othman, enggan mengulas lanjut berhubung isu berkenaan.

Beberapa ahli muda Umno pergerakan itu yang ditemui ketika majlis taklimat berkenaan, juga membantah cadangan berbentuk kelab.

Seorang daripadanya berkata, wanita Melayu muda ingin membantu Wanita Umno membentuk imej lebih profesional bagi mengikis imej 'makkik-makkik' yang dimiliki Wanita Umno selama ini.

Naib Ketuaanya, Datuk

Shahrizat Abdul Jalil, berkata cadangan status kelab untuk Puteri Umno hanya cadangan dan semua pihak terutama media tidak perlu mengkritik pergerakan itu, kerana ia baru di peringkat cadangan.

"Kita tidak mahu sesiapa membuat kesimpulan sendiri kerana banyak cadangan muncul hasil cadangan penubuhan Puteri Umno dan kelab adalah satu daripadanya. Yang mustahak bukan nama tetapi strukturnya, ia mesti serasi perkembangan semasa," katanya.

Beliau berkata, pergerakan itu akan mendapat maklum balas dari semua Ketua Wanita peringkat negeri sebelum membuat laporan lengkap untuk dikemukakan pada Majlis Tertinggi.